

12 OCT 1996

Umno-Najib

LANGKAH BERSEPADU BAGI UBAH BUDAYA MELAYU

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kementerian akan memperkenalkan langkah bersepadu bagi mengubah budaya pendidikan masyarakat Melayu agar menggalakkan anak mereka mengambil kursus yang dianggap sukar.

Katanya kementerian akan berusaha membawa perubahan sikap di kalangan ibu bapa supaya tidak menggalakkan anak-anak mengambil pendidikan keagamaan semata-mata dan jurusan yang mudah lulus sahaja.

"Kita mahu mewujudkan generasi yang seimbang antara kepentingan keagamaan dan pembangunan negara," katanya kepada pemberita selepas selesainya perhimpunan agung Umno di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa menggulung perbahasa berkata pendidikan agama harus dibawa masuk ke dalam aliran utama pendidikan yang mewajibkan pendidikan agama tetapi pada masa yang sama menekankan kepada bidang-bidang ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat Islam.

Pertama, katanya, kementerian akan memastikan bahawa mata pelajaran tertentu seperti sains dan matematik tidak sukar bagi orang Melayu untuk menguasainya.

Kementerian berharap sekolah-sekolah agama rakyat dan negeri yang kini mempunyai 300,000 pelajar, memperkukuhkan kurikulum akademik mereka agar tidak terkeluar daripada aliran kebangsaan.

"Anggapan kononnya kemasukan pelajar ke aliran kebangsaan akan melemahkan pendidikan agama mereka adalah tidak benar kerana kita sudah kukuhkan pendidikan Islam di sekolah-sekolah," katanya.

Kementerian akan memperkenalkan kurikulum pendidikan Islam yang baru, lebih berkisar kepada penguasaan nilai-nilai murni.

"Ini bermakna konsep pendidikan akan berubah, bukan lagi menumpu kepada hanya menghafal hukum dan ayat tetapi lebih kepada kefahaman falsafah di sebalik sesuatu ibadat yang dilakukan," katanya.

Oleh itu, pandangan Dr Mahathir mengenai perlunya perubahan budaya dalam memilih bidang pendidikan itu hendaklah dihayati semua pihak.

"Ia merupakan titik tolak kepada perubahan ke arah budaya baru yang diharapkan dan meninggalkan budaya lama yang kurang sihat," katanya.

Menteri itu juga berkata kementerian tidak boleh memindahkan pelajar-pelajar yang cemerlang dari sekolah-sekolah agama rakyat bagi membolehkan mereka mengikuti pendidikan kebangsaan.

"Ini kerana kemasukan pelajar ke sekolah seumpama itu adalah pilihan ibu bapa. Kita tidak ada kuasa memindahkan mereka tetapi kita hanya boleh menyarankan mereka dan kita boleh menunjukkan yang sekolah-sekolah kebangsaan tidak kurang juga dengan komponen pendidikan agamanya,"

Dr Mahathir dalam ucapan penggulangannya berkata ada pelajar yang cerdik dan pandai tidak berpeluang mengikuti pendidikan kebangsaan kerana dimasukkan ke sekolah pondok oleh ibu bapa mereka. -- BERNAMA

WE JM NMO